




Harper Mangkubumi...
★★★★☆
SGD72
BOOK NOW



Ayaartta Hotel Malioboro
★★★★☆
BOOK NOW



Pesonna Malioboro Yo...
★★★★☆
SGD53
BOOK NOW



Mahasiswa NTU kini mendapat kad bijak baru pelbagai guna. (Gambar: Toh Ee Ming/TODAY)

Mahasiswa NTU boleh memanfaatkan kad bijak baru bayar, tempah kemudahan

10/1/2018 10:51



SINGAPURA: Mahasiswa di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) kini mendapat kad bijak baru yang membolehkan mereka membayar bagi makanan di kantin, menempah kemudahan seperti tempat acara sukan dan bilik belajar, untuk meletak kereta di kampus, atau bagi menaiki pengangkutan awam.

Bakal menggantikan kad matrikulasi lama, Pas Bijak NTU juga digunakan sebagai kad pengenalan bagi sekitar 33,000 mahasiswanya itu, dan juga anggota kakitangan.

Kad tersebut juga disertakan dengan cip pengenalan "tanpa sentuh", dan memiliki fungsi Nets Flashpay sebagai sebahagian daripada kerjasamanya dengan penyedia huraian bayaran Nets.

Sebagai sebahagian daripada visi bagi merubah NTU menjadi "kampus bijak terbesar di Singapura", kad tersebut dirasmikan pada Rabu (10 Jan) oleh presiden baru NTU, Profesor

Subra Suresh, di pertemuan pertamanya dengan anggota kakitangan dan fakulti sejak beliau mengambil alih jawatan bermula 1 Januari.

Ia kini boleh digunakan di 80 peratus kantin universiti itu, dengan yang lain mungkin turut serta dalam masa beberapa bulan lagi. Sebahagian besar cawangan runcit serta makanan dan minuman di kampus sudahpun dilengkapi dengan sistem bayaran tanpa sentuh Nets.

Bagi meningkatkan keselamatan di universiti berkenaan, kad itu akan bertindak sebagai kunci yang dikhaskan bagi akses ke bilik dewan, pejabat, makmal dan kemudahan, meskipun ia akan memakan masa bagi dewan lebih lama untuk dilengkapi dengan sistem akses.

Di pusat perubatan kampus itu, mahasiswa juga dapat menggunakan kad itu bagi mendaftar untuk pemeriksaan dan konsultasi tidak lama lagi.

NTU merancang untuk menempatkan mesin layan diri dengan sistem bayaran tanpa tunai yang serupa. Huraian bayaran tanpa tunai atau mudah alih lain turut diterokai bagi penggunaan kad berkenaan.

Dengan menyifatkan kampus hijau NTU sebagai "ruang ideal bagi mengkaji, menguji dan mempamerkan teknologi bijak baru", Prof Suresh menekankan pelan untuk memperluaskan penggunaan teknologi robotik di kampus, seperti mempunyai pembersih robot dan robot yang mengangkat dulang makanan di kantin. Usaha ini akan dilancarkan lewat tahun ini.

Sebagai matlamatnya untuk menjadi kampus mesra alam, NTU berhasrat untuk mencapai pengurangan tenaga, air dan tahap pembuangan sampah sebanyak 35 peratus menjelang tahun 2020.

Lebih 95 peratus bangunan yang terletak di kampus seluas 200 hektar itu kini diiktiraf dengan Platinum 'Green Mark'.

Pengiktirafan itu adalah sebahagian daripada sistem rating hijau Penguasa Bangunan dan Binaan yang menilai bangunan bagi impak dan prestasi persekitarannya.

- TODAY/IM/im